

Buletin FKA

A Yearly Insight into the Excellence of Academia

PENAUNG

Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hisbany
Mohd Hashim
Rektor
UiTM Cawangan Pulau Pinang

PENASIHAT

Dr. Hj. Anas bin Ibrahim
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Kejuruteraan Awam
UiTM Cawangan Pulau Pinang

SIDANG EDITOR

Unit Penerbitan FKAPP 2019

Ketua Editor:
Dr. Kay Dora Abd Ghani

Penolong Ketua Editor:
Dr. Kuan Woei Keong

Pasukan Editorial:
Prof. Madya Dr. Noorsuhada Md Nor
Dr. Ng Kok Shien
Dr. Ruqayyah Ismail
Dr. Nor Azliza Akbar
Juliana Idrus
Ts. Mohd Ikmal Fazlan bin Rosli@Rozli
Nur Masyitah Osman
Ahmad Syauqi Md Hasan
Siti Isma Hani Ismail

<https://ppkapp.uitm.edu.my/>

eISSN 2716-6325



9 772716 632004

Bengkel Penulisan Akademik

“Academic Writing for Career Enhancement”

Oleh: Dr. Ng Kok Shien

Seramai 73 orang peserta telah menghadiri Bengkel Penulisan Akademik yang tertajuk “Academic Writing for Career Enhancement” yang diadakan pada 24-25 Julai 2019. Pada hari pertama, Prof Sr. Ir. Dr. Suhaimi Abdul Talib memberikan taklimat tajuk “Academic Writing: Fulfilling the Academic Role”. Beliau telah memberi penjelasan terperinci tentang cara-cara untuk seorang pensyarah mencapai kecemerlangan akademik dan juga kepentingan penulisan kepada seseorang ahli akademik. Beliau juga menekankan kepentingan karektor dan integriti selain kerajinan dan intelektual seorang individu. Sebelum menggulung ucapan, beliau menasihati para peserta supaya mengikuti perkembangan semasa di mana pembelajaran sepanjang hayat harus diketengahkan dan dipromosikan. Pada hari kedua, Prof. Madya Ir. Dr. Che Maznah Mat Isa berkongsi pengalaman dalam penulisan artikel yang berbentuk Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dalam tajuk ucapannya iaitu “Teach, Write and Flourish”. Beliau menunjukkan cara bagaimana aktiviti P&P dalam kelas dapat diterjemahkan kepada jurnal atau prosiding. Beliau juga memberi tips bagaimana penulis dapat meningkatkan penerimaan artikel dalam jurnal. Selepas pengkongsian Dr. Che Maznah, sesi bengkel bermula dengan aktiviti menulis artikel berbentuk P&P. Langkah pertama, peserta harus mengenal-

pasti bidang atau tajuk yang boleh ditulis daripada aktiviti P&P. Seterusnya, mereka perlu menentukan jurnal dan konferensi untuk menerbitkan artikel mereka. Selepas itu, peserta harus menukar aktiviti P&P kepada bentuk artikel. Kedua-dua penceramah telah memberikan bimbingan dan cadangan yang sesuai kepada para peserta. Sebanyak 33 tajuk artikel telah dicadangkan. Bengkel ini merupakan satu titik permulaan yang sangat baik kepada para peserta dalam aktiviti penulisan artikel berbentuk P&P yang sebelum ini tidak menjadi kebiasaan bagi pensyarah dalam bidang kejuruteraan. Diharapkan agar para pensyarah terus giat menulis artikel berbentuk P&P dan bengkel seperti ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan pembangunan akademik di UiTM Cawangan Pulau Pinang khususnya.

“Being an academia is not a dream, it is a calling”



DARI MEJA KETUA PUSAT PENGAJIAN >>>

Oleh: Dr. Hj. Anas bin Ibrahim

Alhamdulillah, segala pujian hanya milik Allah SWT dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW atas terbitan Buletin Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (Edisi 2019). Saya dengan rendah diri mengucapkan tahniah dan syabas kepada warga sidang Buletin FKA yang telah mengorbankan tenaga dan pemikiran dalam usaha merealisasikan buletin ini. Setinggi penghargaan kepada Tuan Rektor selaku penaung, penyumbang artikel dan juga seluruh warga FKA yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha murni ini.

Pembudayaan penulisan berkualiti dalam kalangan warga akademik FKA merupakan salah satu teras utama dalam mencapai kecemerlangan global seiring dengan Pelan Strategik UiTM 2025. Sebagai warga akademik di universiti, penyampaian ilmu hasil daripada penyelidikan dan penulisan merupakan darah daging seseorang yang bergelar pensyarah universiti. Bak kata peribahasa, ‘kemenyan sebesar lutut, jika tidak dibakar takkan berbau’. Begitulah ilmu hasil penyelidikan yang digali dan diteroka tiada gunanya jika hanya disimpan sahaja tanpa disebar luaskan melalui medium penulisan. Buletin FKA ini diharap akan menjadi satu wadah lestari bagi pembudayaan dan penghasilan penulisan warga akademik. Di akhir kata, saya menyeru semua warga FKA yang dikasihi agar dapat menyatukan suara dan gerak dalam mencapai misi dan visi universiti seiring dengan Pelan Strategik UiTM 2025. Kecemerlangan UiTM bermula dengan warga kerja yang cemerlang dan berintegriti.



Bak kata peribahasa,
‘kemenyan sebesar lutut, jika
tidak dibakar takkan berbau’.

Begitulah ilmu hasil
penyelidikan yang digali dan
diteroka tiada gunanya jika
hanya disimpan sahaja tanpa
disebar luaskan melalui
medium penulisan.

MOTIVASI >>>



Mengekalkan suasana kerja harmoni

Oleh: Dr. Kay Dora binti Abd Ghani

Setiap individu mempunyai peranan dan tanggungjawab di dalam sebuah organisasi, justeru bagaimanakah kita dapat memberikan sumbangan bagi mengekalkan keharmonian di tempat kerja? Kekuatan terbesar dalam diri manusia terletak pada fikirannya. Bak kata Datuk Dr. Muhyah Mohamad, “minda positif, hasilnya juga akan positif”. Pemikiran negatif akan melemahkan seterusnya membinaaskan diri. Berfikiran positif akan memberikan inspirasi dan membuatkan seseorang bersifat optimistik. Sentiasa mulakan sesuatu usaha dengan anggapan yang positif supaya ianya dapat merangsang fikiran agar dapat membawaikan idea yang kreatif dan inovatif seterusnya melakukan pekerjaan dengan lebih

yakin. Berfikiran positif berupaya menepis rasa lemah sewaktu menemui kegagalan dan membuatkan diri sentiasa bermotivasi melihat setiap peluang untuk terus sukses. Kita juga perlu sentiasa positif dengan arahan ketua atau pihak atasan demi kebaikan organisasi. Persekitaran kerja yang harmoni pasti dapat dikekalkan apabila kesemua ahli organisasi berfikir dengan positif. Di samping itu, setiap ahli organisasi perlu mempunyai sikap proaktif bagi menguruskan pekerjaan dengan cemerlang. Menurut Stephen Richards Covey dalam bukunya yang bertajuk *The 7 Habits of Highly Effective People*, proaktif merupakan tabiat pertama untuk menjadi individu yang efisyen. Proaktif boleh didefinisikan sebagai inisiatif merangka dan mengawal tindakan yang dilakukan lebih awal daripada jangkaan akan berlakunya sesuatu perkara atau kejadian. Ianya merupakan satu sifat tanggungjawab dan membantu dalam mengurangkan tekanan kerja serta konflik sekiranya sesuatu tugasannya dirancang dan diuruskan lebih awal berbanding dengan sikap *last minute*. Tidaklah menjadi kesalahan apabila menawarkan diri untuk berkongsi idea dan membantu rakan sekerja mahupun ketua dalam apa juar perkara yang melibatkan hal ehwal di organisasi sebagai

tanda sokongan padu dan tanggungjawab yang dipikul bersama. Alangkah indahnya sikap *win-win situation* diamalkan dengan baik supaya keharmonian suasana kerja dapat dikekalkan. Kesimpulannya, pekerjaan merupakan satu platform yang mencabar keupayaan diri. Bekerja bukan semata-mata untuk mengumpul duit dan harta benda bagi memenuhi keperluan dan kehendak diri dan keluarga, malah amanah dan tanggungjawab di sebalik pekerjaan adalah yang paling utama. Lantas, iklaskan hati dan betulkan niat bekerja. Usah menganggap pekerjaan sebagai satu bebanan kerana setiap individu diberikan jawatan sebagai tanda kepercayaan untuk menjalankan amanah mengikut skop dan kelayakan masing-masing. Sehubungan itu, kita mesti percaya kepada diri sendiri untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik. Justeru, setiap individu dalam sebuah organisasi mempunyai tanggungjawab yang sama rata dalam memastikan keharmonian suasana di tempat kerja berada pada tahap yang paling baik. Usah lupa konsisten berdoa agar segala urusan dan pekerjaan yang merupakan lubuk rezeki dan kebun pahala ini dipermudahkan mendapat keberkatanNya.

FOCUS >>>

Revolution on Assessment for Student Monitoring System (i-RAS)

By: Mohd Samsudin Abdul Hamid & Md Rasul Mohamad Noor



This particular project was developed by FKAPP OBE team leads by En Md Rasul Mohamad Noor together with En Abdul Manaff Mohd Ismail and Pn Shafienaz Ismail. This project was brought forward by Team Craggy to higher level platform at KIK and IID to get recognitions.

Furthermore, it was introduced because of problems occur when the number of courses and lecturer are high in order to collect and analysed Course Outcome and Program Outcome data manually. Manual application of data collection has implemented since 2010, and it was found that there is a need for a system to interpret and analyse the assessment of all courses systematically. Therefore, a comprehensive and synchronise system called Revolution on Assessment for Student Monitoring System (i-RAS) was developed to collect and analysed COPO data accurately and automatically. As a result, this system was produced as a paperless system which all the data can be uploaded in the faculty website and automatically analysed. The storage system is proven to be safer than before. Furthermore, this system has been implemented at diploma level by the Faculty of Civil Engineering of all UiTM campuses and at degree level in UiTM Pulau Pinang. i-RAS has won many awards at various invention and innovation competitions, namely PIID 2019

(Gold Award), I-INTELEC 2019 (Gold Award), IIDEX 2019 UiTM (Silver Award) and INDES 2019 (Bronze Award).



Inovasi Memudahkan Sistem Pendaftaran

Oleh: Nor Hafizah Hanis Abdullah & Nurulzatushima Abdul Karim

Diinspirasikan oleh kesulitan yang sering dihadapi oleh para peserta dan juga pengajur semasa proses pendaftaran untuk sesuatu program yang dilaksanakan diperingkat jabatan, maka KIK FKA yang diwakili oleh kumpulan Craggy telah mengambil inisiatif tersendiri dengan menghasilkan satu sistem pendaftaran peserta secara automatik berdasarkan teknik *RFID (Radio Frequency Identification)*. Sistem ini dijalankan secara atas talian dan memanfaatkan penggunaan kad staf secara lebih menyeluruh. Semasa proses ‘clock in’ dan ‘clock out’, para peserta hanya memerlukan masa kurang daripada 3 saat untuk mengimbas kad staf atau kad *RFID* bagi menyempurnakan log kehadiran peserta. Hasilnya, Craggy telah berjaya meraih Naib Johan di Mini Konvensyen KIK peringkat UITM Cawangan Pulau Pinang pada 8 Ogos 2019 dan merangkul Anugerah Dokumentasi Terbaik, Anugerah Kumpulan Istiqomah KIK dan Anugerah Pembentang Wanita Terbaik (Puan Nurulzatushima Abdul Karim). Seterusnya, Craggy juga berjaya merebut Anugerah KIK Primer Terbaik Bidang Inovasi Pengurusan, Anugerah KIK Primer Terbaik Bidang Inovasi Pengurusan (Kategori Penambahan) dan Anugerah Fasilitator Terbaik (En Mohd Azuan Tukiar) di Pertandingan KIK Peringkat Zon Utara yang diadakan pada 4 September 2019. Kumpulan ini diketuai oleh En Md Rasul Mohd Nor dan dianggotai oleh En Mohamad Samsudin Abdul Hamid, En Ahmad Syauqi Md Hassan, En Fairus Azwan Azizan, Dr Siti Hafizan Hassan, Pn Nurulzatushima Abdul Karim dan Pn Nor Hafizah Hanis Abdullah.



Kaedah perlaksanaan dan keberkesanan melalui platform i-learn

Oleh: Ahmad Syauqi bin Md Hasan & Nur Masyitah binti Osman

Dengan ledakan revolusi industri 4.0, penggunaan teknologi di dalam proses pengajaran dan pembelajaran semakin diperlukan dan tidak boleh lagi diketepikan. Universiti Teknologi MARA telah mengambil inisiatif terkehadapan dengan memperkenal Minggu Tanpa Dinding atau pun “Week Without Wall” dalam memperkasakan pembelajaran yang fleksibel dan aktif berasesuaian dengan “Education 5.0@UiTM” yang telah diperkenalkan bermula tahun 2018.



Kaedah pengajaran di alam maya sememangnya amat menarik tetapi menuntut kaedah perlaksanaan yang efektif agar penyampaian ilmu dapat diberikan dengan sepenuhnya dan difahami oleh pelajar. Terdapat pelbagai kaedah digunakan oleh pensyarah-pensyarah Universiti Teknologi MARA seperti platform i-learn (yang dibangunkan oleh UiTM), youtube, facebook, whatsapp, Instagram, google classroom dan pelbagai lagi media yang membenarkan interaksi dua hala dijalankan. Interaksi yang berlaku samada dalam bentuk tulisan, video, gambar, animasi dan sebagainya. Selain daripada itu pelajar juga boleh diuji dengan ujian, kuiz atau tutorial berbentuk soalan dan ianya perlu diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Dengan kaedah ini pelajar akan perlu mencari maklumat secara pantas samada melalui cetakan keras seperti buku atau menggunakan carian di internet yang lebih pantas. Mereka akan lebih cakna akan kepentingan mencari maklumat

dengan pantas dan membuat saringan ke atas setiap maklumat yang didapati sebelum memuatnaik semula ke platform yang digunakan pensyarah. I-learn yang telah dibangunkan oleh UiTM merupakan satu platform menyeluruh yang memusatkan segala aktiviti e-learning UiTM. Melalui platform ini pensyarah boleh memuatnaik segala nota dan dokumen berkaitan kursus dan juga berinteraksi bersama pelajar yang mendaftar kursus tersebut. Senarai nama pelajar adalah dimuatnaik secara automatik daripada sistem icress UiTM dan ini menjadikan platform i-learn sangat efektif untuk digunakan di dalam perlaksanaan week without wall. Pensyarah juga boleh menjalankan proses penilaian termasuk kuiz dan ujian menggunakan platform ini selain memuatnaik kerja kursus yang diperlukan untuk memenuhi kurikulum sesuatu kursus. Menggunakan pautan i-discuss memudahkan pensyarah untuk berinteraksi bersama pelajar di samping memantau keterlibatan setiap pelajar di dalam sesi diskusi yang dianjurkan dengan menggunakan pautan i-discuss monitoring. Platform ini juga membenarkan para pelajar untuk memuatnaik file dalam bentuk video, dokumen samada dalam format ‘microsoft word’ ataupun ‘pdf’. Ini sangat memberi kemudahan kepada pensyarah dan pelajar sekiranya diskusi itu memerlukan pelajar untuk menghantar laporan ataupun informasi dalam bentuk digital kepada pensyarah. Segalanya boleh dilakukan di platform e-learning ini. Bak kata pepatah ‘segalanya kini hanya di hujung jari’, semoga UiTM dapat menerajui inisiatif ‘Education 5.0’ dan mencapai kegemilangan di peringkat antarabangsa dalam aspek pembelajaran dan pengajaran.



Research Collaboration with Halfen Moment Sdn. Bhd.

By:
Ir. Mohd Asha'ari Masrom

This collaboration initiated from a research project funded by the Ministry of Higher Education under the Fundamental Research Grant Scheme for three years duration. The research is about the innovative connection between precast rocking wall and precast floor in the load bearing structure. The precast connections are tested in the heavy structural laboratory to evaluate the performance of connection under seismic loading. In this respect, Mr Gary Connah (Technical and Development Manager) and Mr KC Loh (Technical Manager) from Halfen Moment Sdn. Bhd. were interested in collaborating in the research project by supplying their precast products and contribute their expertise for the project successfulness. This collaboration has exhibited a good practice of industrial linkage, which in line against the government's call for greater cooperation between universities and industry.



Technical Talk by visitor from King Mongkut's Institute Technology Ladkrabang, Bangkok, Thailand

By: Dr. Kuan Woei Keong

In conjunction with the MOU signing with King Mongkut's Institute Technology Ladkrabang (KMITL), Bangkok, Thailand in 2017, the head of Department of Civil Engineering, Dr. Ararith



Petchsasithon was invited to deliver a technical talk to the faculty members on the 24th April 2019. The talk covered the practice and implementation of Earthquake Design of Buildings in Thailand. In his presentation, details of the development of seismic design requirements for buildings in Bangkok,

earthquake risk of buildings and failure mode of concrete structures caused by earthquake were shared with the participants. The technical talk has ended with fruitful Q & A session. The

talk has also attracted participants from the Institute of Engineers Malaysia (IEM) Penang Branch. During his visit, a discussion on future collaboration in research and staff exchange program was held with the faculty members. It is hoped that this collaboration will continue and benefit both sides.

Do you know where do earthquake happen?

Earthquakes usually occur on the edges of large sections of the Earth's crust called tectonic plates. These plates slowly move over a long period. The edges of the plates or known as the fault lines can get stuck, but the plates keep moving. Pressure slowly starts to build up where the edges are stuck and, once the pressure gets strong enough, the plates will suddenly move to cause an earthquake.

Pertandingan 3MT (3-Minute Thesis)

Ts. Mohd Ikmal Fazlan bin Rosli@Rozli telah terpilih mewakili kampus UiTM Pulau Pinang ke pertandingan 3 Minute Thesis (3MT) bagi calon pengajian peringkat pasca siswazah anjuran Institute of Graduate Studies (IPSI) pada 4 April 2019 bertempat di UiTM Shah Alam. Beliau merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Kejuruteraan Awam UiTM Cawangan Pulau Pinang, dan dalam masa yang sama merupakan calon Ijazah Doktor Falsafah di UiTM. Beliau mempertaruhkan tajuk *Finding the Rhythm of The Trains* di dalam pertandingan tersebut.

STADIUM GENERAL : Construction Industry in IR 4.0 - Challenges and Opportunities

Associate Professor Ts. Dr. Mohd Hisbany Mohd Hashim, Rector of UiTM Penang, has delivered a lecture to staff and students of the Faculty of Civil Engineering Studies Program, University of Sarjanawiyata Tamansiswa, Yogyakarta, Indonesia on 14th November 2019. The

speech entitled Construction Industry in Industrial Revolution 4.0 - Challenges and Opportunities, discussed the roles and responsibilities of civil engineer that are to be fitted in such digital and millennials generation world. The use of advanced and digital technology has been helping us to divert the conventional system to the new approach of learning and teaching. It is a loss if we do not take advantage of this digital age to make the most of it.





CORETAN PERJALANAN MERENTASI SEMPADAN ILMU >>>

Jalinan Kerjasama di antara UiTM, UKM, UPNM dan Universitas Syiah Kuala (Unsyiah), Banda Aceh, Indonesia

Pada 28 Julai hingga 31 Julai 2019, satu lawatan muhibah dari tiga buah universiti tempatan ke Universitas Syiah Kuala(Unsyiah), Banda Aceh, Indonesia telah dijalankan. Lawatan ini bertujuan untuk membina satu jalinan kerjasama penyelidikan merentas luar sempadan negara. Tiga buah universiti awam tempatan yang terlibat adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Kerjasama ini adalah kesinambungan program dan seminar Precision Component Product Innovation in the field of Mechanical, Industrial Engineering and Civil Engineering in anticipation of Development 4.0 yang dianjurkan oleh Unsyiah. Pensyarah-pensyarah yang terlibat adalah Prof. Ir. Dr. Shahrum Abdullah (UKM), Prof. Madya Dr. Noorsuhada Md Nor (UiTM Cawangan Pulau Pinang), Dr. Salvinder Singh Karam Singh (UKM), Dr. Mohd Faizal Abdullah (UPNM) dan Ir Nur Azwa Muhamad Bashar (UiTM Cawangan Pulau Pinang) (Gambar 1). Rentetan itu, satu diskusi teknikal telah dijalankan bersama pensyarah Unsyiah berkenaan kejuruteraan forensik untuk kolaborasi penyelidikan bersama dengan UiTM Cawangan Pulau Pinang pada masa hadapan. Antara cadangan kolaborasi adalah tentang hasil peninggalan dan kesan Tsunami Aceh yang lebih menjurus kepada pemantauan bangunan dan sebagainya. Beberapa perbincangan untuk mewujudkan jalinan kerjasama berkaitan penyelidikan, penerbitan, perundingan dan lain-lain kolaborasi yang dilihat sejajar dengan keperluan universiti untuk meningkatkan ketampakan UiTM Cawangan Pulau Pinang khususnya diperingkat antarabangsa. Untuk melengkapkan lawatan di Unsyiah, beberapa lawatan teknikal telah dijalankan antaranya ke Aceh Tsunami Museum Blang Padang (Gambar 2), Apung 1, dan rumah Cut Nyak Dhien dan Teuku Umar, bangunan yang dibangunkan semula pada 1981 – 1982 selepas dibakar oleh Belanda pada tahun 1896 (Gambar 3).



Gambar 3

Berkongsi Ilmu di "The 7th International Conference of Euro Asia Civil Engineering Forum" Stuttgart, Germany

Berkongsi ilmu di luar dari kepompong kebiasaan adalah satu pengalaman yang mengujakan. Pengalaman membentang kertas kerja di 'The 7th International Conference of Euro Asia Civil Engineering Forum', Stuttgart, Germany pada 30 September hingga 2 Oktober 2019 menjadi satu pengalaman yang tidak dilupakan.

Pancaran akustik, baik pulih struktur menggunakan gentian seperti *carbon fibre reinforced polymer* dan suntikan epoksi adalah bidang kepakaran penulis. Penulis telah membentang kertas kerja bertajuk '*Crack Intensity of the Damaged Reinforced Concrete Beam Repaired with Epoxy Injection using Acoustic Emission Technique*' di persidangan ini. Selain penulis, terdapat tiga orang pensyarah dari UiTM Cawangan Pulau Pinang, Prof. Madya Ts. Dr. Hisbany Hashim, Dr. Fariz Aswan Ahmad Zakwan dan Ts. Mohd Ikmal Fazlan Rozli@Rosli yang membentangkan kertas kerja masing-masing dipersidangan ini. Hasil daripada persidangan ini, penulis telah mewujudkan hubungan peluang kolaborasi dengan pihak dalam dan luar negara. Diantaranya adalah dengan Dr. Abdullahi Nafiu Zadawa dari Abubakar Tafawa Balewa University (Nigeria), Dr. Josipa Bosnjak dari University of Stuttgart (Germany), Khongkham Chanthamanivong (Jepun), Dr. Noor Sheena Herayani Harith dari Universiti Malaysia Sabah (Malaysia) dan ramai lagi. Antara jalinan kerjasama yang diperolehi adalah mendapatkan keahlian jawatankuasa saintifik persidangan, penilai kertas kerja dan beberapa lagi selain daripada perkongsian ilmu akademik dari pelbagai cabang. Antara pencapaian yang diperolehi ialah ketampakan UiTM Cawangan Pulau Pinang di peringkat antarabangsa.



Penulis bersama-sama rakan pembentang kertas kerja di 7th International Conference of Euro Asia Civil Engineering Forum, Stuttgart, Germany.

Kempen Kesedaran Risiko Empangan Bukit Merah


Oleh: Nurhidayati binti Mat Daud

Pada 31 Oktober 2019, seramai 38 orang staf FKA yang diketuai oleh Ketua Pusat Pengajian iaitu Dr Haji Anas bin Ibrahim telah disambut oleh pasukan JPS Daerah Kerian di bawah pengurusan Jurutera Daerah, Ir. Safuandzi Bin Abdullah untuk menjayakan program khidmat masyarakat bertajuk Kempen Kesedaran Risiko Empangan Bukit Merah di Pejabat JPS Empangan Bukit Merah.

Empangan Bukit Merah merupakan empangan tertua di Malaysia yang mula dibina pada tahun 1902 dan siap pada tahun 1906. Empangan ini pernah dinaiktaraf pada tahun 1967 dan 1984 untuk meningkatkan kapasiti takungan. Objektif kempen ini adalah untuk memberi kesedaran kepada penduduk yang tinggal di hilir empangan tentang risiko dan tindakan kecemasan yang perlu diambil oleh mereka jika berlaku bencana. Kempen ini termasuk di dalam Pelan Tindakan Kecemasan Empangan Bukit Merah. Kempen ini telah dijalankan secara berkumpulan dengan setiap kumpulan bergerak dari rumah ke rumah. Lapan buah kampung yang terlibat terletak di hilir empangan iaitu Kg Parit Air Hitam, Tali Air Kanan, Parit Mat Keling, Kg Tanjung Bugis, Abu Hassan Ban, Kg Padang Lalang, Kg Batu 38 dan Ban Pisang. Penduduk telah diberi penerangan berkaitan empangan, fungsi empangan, risiko tinggal di hilir empangan, kesan bencana dan langkah-langkah menghadapi bencana. Terdapat siren kecemasan yang dipasang di kawasan berhampiran dan mereka diminta peka terhadap jenis bunyi siren supaya tindakan yang diambil



adalah cepat dan tepat bagi menyelamatkan nyawa mereka. Kempen tamat pada jam 3 petang dan telah mendapat kerjasama yang amat baik daripada penduduk. Pihak FKA UiTMCPP amat menghargai peluang kerjasama ini dan berharap kerjasama seperti ini akan dapat diteruskan di masa akan datang.



Consultancy Work for Vibration Testing and Human Comfort Criteria Assessment

By:
Dr. Goh Lyn Dee

This project was headed by Dr. Goh Lyn Dee from the Faculty of Civil Engineering UiTM Cawangan Pulau Pinang with a collaboration with Smart Sensing Technology Sdn. Bhd. and a team from Faculty of Civil Engineering, Universiti Tun Hussein Onn, to investigate the vibration issue at a four storey office building. The users in the building were complaining that they felt uneasy/dizziness when there were human activities on the affected areas as the floor vibrated even an average weight man was walking on the floor. Thus, the vibration testing was proposed to determine the vibration behaviour of the floor slabs and the human comfort criteria was assessed. There were three types of tests conducted at the site; i.e. the ambient tests, the shaker tests and the walking tests. To capture the responses of the floor in all directions during the tests, the accelerometers were installed in all directions. The project was divided into two phases. The vibration tests were conducted before a strengthening work was carried out in the building, and after the strengthening works were completed. The natural frequencies of the affected floors in the building were increased by a range of 25% - 28% after a strengthening work was carried out. This project was a success as the client was satisfied with the outcomes of the project.

Bengkel “Train to Success”

Oleh : Dr Masyitah Md Nujid

Pada 6 Mac 2019 Unit Sahsiah Motivasi Pembangunan Pelajar (SMPP) dengan kerjasama Unit Kerjaya Kaunseling (UKK) UiTMCPP telah mengadakan siri aktiviti (Train To Success) yang dimulai dengan sesi pengenalan bersama hampir 90 orang pelajar dari FKA (EC110 & EC221). Maklumat pelajar seperti alamat email diambil bagi memudahkan komunikasi di antara pelajar bersama pelatih UKK.

Ini kerana para pelajar dikehendaki mengikuti siri berikutnya seperti klinik kaunseling, klinik bersama Mentor dan akhir sekali ialah aktiviti pemantauan akademik pelajar. Beberapa siri aktiviti riadah juga diterapkan dalam pertemuan yang diatur sepanjang 14 minggu pengkuliahan bagi semester Mac-Julai 2019. Istimewa aktiviti Train To Success bagi semester ini adalah penyertaan Penasihat Akademik (PA) pada sesi taklimat yang disampaikan oleh wakil UKK. Manakala pada 8 Mei 2019 seramai 34 pelajar EC221 dari bahagian 8-9 dipilih untuk menyertai aktiviti PO Intervention berbentuk pertandingan rekacipta video bertemakan “Empowering Civil Engineering Application Towards IR 4.0”.



Tujuan program ini diadakan untuk memenuhi keperluan keberhasilan pengajian program EC221 melalui penilaian ke atas ciri-ciri hardskills and softskills memenuhi kehendak 21st century skill (critical thinking, creative, communication and collaboration). Disamping juga memberi pendedahan kepada pelajar dalam menyertai pertandingan berinovatif di luar ruang lingkup pembelajaran. Kedua-dua aktiviti unit SMPP yang telah dirancang berjalan dengan jayanya.

Bengkel Computational Geotechnics

Oleh : Dr Ng Kok Shien

Bengkel 'Computational Geotechnics' telah berjaya dianjurkan oleh Unit Latihan Akademik, FKA pada 16 Disember 2019 di UiTM Cawangan Pulau Pinang. Dr. Ng Kok Shien merupakan penceramah utama untuk bengkel ini dan dibantu oleh dua fasilitator iaitu Pn. Faizah Kamarudin dan En. Juhaizad Ahmad. Seramai 25 peserta dari industri dan academia, termasuk 2 peserta yang merupakan pelajar antarabangsa telah menghadiri bengkel ini. Melalui bengkel ini, peserta dapat belajar mengenai teknik numerikal dalam penyelesaian masalah geoteknik. Bengkel ini menumpukan cara pembelajaran praktik iaitu dengan penggunaan perisian finite element method.



Mengintai Peluang Kolaborasi bersama Industri

Oleh: Ts. Mohd Ikmal Fazlan bin Rosli@Rozli



Satu lawatan ke Kilang Eastern Pretech (M) Sdn. Bhd. yang terletak di Sungai Petani, Kedah telah diadakan pada 13 Mac 2019 bagi meninjau kaedah pembuatan *precast concrete sleepers* serta membincangkan mengenai peluang penyelidikan yang dapat dilakukan oleh UiTM bagi kebaikan bersama antara universiti dan industri. Lawatan ini merupakan inisiatif dari Entiti Kecemerlangan Tier 5 iaitu Permanent Way Infrastructure (PWI) dengan kerjasama Keretapi Tanah Melayu Berhad. Seramai 7 orang peserta terlibat terdiri daripada 2 orang pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam UiTM Cawangan Pulau Pinang, 2 orang pelajar pasca siswazah dan 3 orang pelajar siswazah.

PENCAPAIAN ISTIMEWA >>>

JUTAAN TAHNIAH diucapkan kepada YBhg. Prof. Ts. Dr. Shanker Kumar A/L Sinnakaudan atas kenaikan pangkat ke gred VK7 (Professor) pada 14 Mac 2019, sekaligus mencipta sejarah sebagai Professor pertama di UiTM Pulau Pinang. Beliau juga telah menerima Anugerah Penyelidik Terbaik (Kelompok Sains dan Teknologi) dalam Majlis Anugerah Akademik Universiti (AAU) pada 30 April 2019 bertempat di Dewan Agung Tunku Canselor UiTM Shah Alam. YBhg. Prof. Ts. Dr. Shanker juga tersenarai di tempat ke-6 dalam TOP 10 *Portal of Research, Innovation, Commercialization and Expertise, The Institute of Research Management and Innovation (IRMI)* UiTM Shah Alam.



TAHNIAH kepada Prof. Madya Ir. Dr. Yee Hooi Min telah dianugerahkan sebagai *Honorary Member* oleh ASEAN Federation of Engineering Organisations (AFEO) membawa gelaran M.AFEO di hujung nama beliau. Penganugerahan telah disampaikan dalam sebuah majlis sewaktu persidangan *The 36th Conference of the ASEAN Federation of Engineering Organisations* bertarikh 14 November 2018 bertempat di Resorts World Sentosa, Singapura.



TAHNIAH atas kenaikan pangkat ke gred DM54 (Profesor Madya) kepada Prof. Madya Dr. Noorsuhada Md Nor pada tarikh 21 September 2019.

TAHNIAH! PhD Viva Voce



Dr. Hj. Anas Ibrahim, 25 Mei 2019, UiTM



Dr. Fariz Aswan Ahmad Zakwan, 30 Mei 2019, UiTM



Dr. Ruqayyah Ismail, 14 Okt. 2019, UPM



TAHNIAH di atas penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah kepada Dr. Nor Azliza Akbar di Konvokesyen ke-57 USM pada 24 September 2019. Tajuk tesis beliau ialah *Potential Use of Ozonation With Limestone Adsorption Process in Groundwater Treatment*.



INNOVATION >>>

Correlation Between California Bearing Ratio (CBR) With Plasticity

By: Dr. Masyitah Md Nujid

